



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 12 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	JABATAN KHIDMAT VETERINAR TAK TEMUI VIRUS RABIES, NASIONAL, BH -16 SELANGOR TIADA PERUNTUKAN KHAS TANGANI RABIES, NEGERI SELANGOR, SH -22	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3. 4. 5.	MANFAAT RUANG DENGAN KEBUN ATAS BUMBUNG, GAYA TANI, UM -21 & 22 LEBAH SERANGGA UTAMA EKOSISTEM, CETUSAN, BH -17 KITA BANYAK SANGAT MAKAN AYAM, FORUM, UM -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Jabatan khidmat veterinar tak temui virus rabies

Shah Alam: Tiada virus Rabies dikesan dalam kalangan anjing yang berkeliraran dalam satu kilometer radius indeks kes menerusi survelan dan persampelan yang dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam kenyataan memaklumkan, jabatan itu mengaktifkan survelan dan persampelan bagi mengesan rabies terhadap anjing yang berkeliraran susulan kematian seorang lelaki warga tempatan di daerah Petaling pada 10 Mac lalu yang disahkan akibat jangkitan rabies.

"Setakat ini, keputusan ujian Makmal Veterinar menggunakan teknik ujian Direct Fluorescent Antibody Test (DFAT) daripada sampel yang diambil menunjukkan, negatif terhadap virus rabies.

"DVS akan terus mengaktifkan survelan dan persampelan dalam kalangan anjing berkeliraran di daerah Petaling untuk mengesan rabies.

"Sebingga kini, tiada aduan membabitkan kematian anjing dijangkiti rabies atau yang menjerus kepada tanda klinikal rabies di Selangor," menurut kenyataan itu.

Menerusi kenyataan itu, DVS turut memaklumkan bahawa program kawalan rabies dijalankan secara berterusan di seluruh negara.

DVS berkata, hasil pemantauan dan ujian makmal (DFAT) ke atas sampel yang diuji selama ini menunjukkan tiada rabies dikesan.

"Orang awam dinasihatkan supaya segera melaporkan ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar yang terdekat jika terdapat perubahan tingkah laku pada anjing sama ada menjadi agresif atau dungu.

"Kes gigitan anjing perlu segera dilaporkan ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar dan mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berdekatan.

"DVS juga menasihatkan orang awam tidak panik dan memberi kerjasama dalam menangani kes rabies dalam kalangan haiwan," kata kenyataan itu.

Terdahulu pada Ahad lalu, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) menerusi kenyataan memaklumkan bahawa berlaku kematian seorang lelaki warga tempatan di daerah Petaling pada 10 Mac disahkan akibat jangkitan rabies.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata perkara itu disahkan pada Isnin (4 April) lalu selepas keputusan ujian makmal diperoleh.

Beliau berkata, mangsa berusia 40 tahun itu meninggal dunia di rumahnya.

12/4/2022

SINAR

NEGERI

22

HARIAN

SELANGOR

Selangor tiada peruntukan khas tangani rabies

Penyakit berkenaan dianggap bukan bersifat endemik seperti demam denggi

Oleh ENGGU SHARIFULAZMI

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor tidak mempunyai peruntukan khas untuk menangani penyakit rabies kerana ia bukan bersifat endemik seperti demam denggi.

Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, bagaimana pun terdapat tiga jabatan bertanggungjawab mengesahkan penularan penyakit tersebut iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Walaupun penyakit bawaan binatang ini di bawah DVS, namun dua jabatan lain iaitu JKNS perlu mengendalikannya pesakit virus tersebut manakala PBT membuat kawalan ke atas



Kerajaan Selangor akui tidak mempunyai peruntukan khas untuk menangani penyakit rabies kerana ia bukan bersifat endemik seperti demam denggi.

haiwan terbiar khususnya anjing liar,” katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Siti Mariah berkata, rakyat di negeri ini diminta memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa untuk mengawal populasi anjing liar yang boleh mendatangkan penyakit tersebut.

Menurutnya, pihak PBT mengalamai kesukaran untuk menangkap haiwan berkenaan susulan terdapat segelintir individu yang menyukarkan operasi tersebut dijalankan.



SITI MARIAH

Pada Ahad, JKNS maulumkan terdapat satu kes kematian membabitkan seorang lelaki warga tempatan disahkan dijangkiti rabies pada 4 April lalu.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman menerusi satu kenyataan di Facebook, JKNS maulumkan; mangsa ber-
usia 40 tahun dan menetap di daerah Petaling meninggal dunia di rumah pada 10 Mac lalu.

LAMAN Hijau@3 boleh dilawati dalam kalangan kakitangan dan pelanggan sahaja.



Manfaat ruang dengan kebun atas bumbung

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
gayautusan@medianula.com.my

TAMAN atas bumbung bukan perkara baharu bagi negara luar seperti Jepun. Landskap pintar itu turut menarik minat orang tempatan untuk mengetengahkan konsep seumpama itu seperti pusat beli belah The Gardens Mall yang memiliki taman di aras enam premis berkenaan.

Menuruti rentak sama, ialah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerusi taman atas bumbung - Laman Hijau@3.

Ia dibina selaras dengan komitmen menjadikan bandaraya ini bebas karbon menjelang tahun 2030.

Landskap kontemporari seluas 625 meter persegi itu terletak di aras 3 Wisma MBSA di Seksyen 14, Shah Alam.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, laman itu dibina dengan konsep pertanian bandar



PERTANIAN atas bumbung diusahakan sebagai inisiatif mengetengahkan konsep bangunan hijau.

atas bumbung yang mana suasana hijau tanaman seperti sayur-sayuran dan herba mewujudkan suasana menenangkan perasaan pengunjungnya.

"Pada asalnya kita mahu

menjadikan Laman Hijau@3 sebagai Laman Terapi di mana semua pekerja yang kembali bekerja pada fasa peralihan endemik 1 April lalu, mulai bertngas dengan suasana baharu yang lebih kondusif di

pejabat yang sama.

"Namun kita ubah dengan mewujudkan pertanian bandar di atas bumbung yang diusahakan di podium di sini sebagai inisiatif untuk mengetengahkan konsep



Lokasi itu, bukan sahaja dapat mengubah suasana kawasan berbumbung yang kosong kepada landskap tanaman yang berfaedah malah ia dapat meningkatkan akses kepada produk segar, berkualiti, dan sihat."

bangunan hijau (*green building*) dan menjadi contoh kepada bangunan-bangunan lain di bandaraya ini," katanya.

Bersambung di muka 22



TUMBUHAN herba seperti kunyit, misai kucing dan cincau hitam antara 20 jenis tanaman terdapat di sini.



AKUAPONIK membolehkan air terhasil dari kolam ikan menghasilkan baja semulajadi kepada pokok.

Dari muka 21

Lokasi itu, bukan sahaja dapat mengubah suasana kawasan berbumbung yang kosong kepada landskap tanaman yang bermanfaat, malah turut dapat meningkatkan akses kepada produk segar, berkualiti, dan sihat.

Pembinaan laman ini memakan masa sekitar enam bulan bermula Ogos tahun lalu menerusi dana geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRAK) dari

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Ada lebih 20 jenis sayur-sayuran hijau dan lebih 20 jenis tumbuhan herba, antaranya kunyit, cincau hitam dan bunga telang.

KONSEP AKUAPONIK

Akuaponik sebagai salah satu cabang agrikultur yang menggabungkan penternakan ikan dan penanaman tanpa tanah (hidroponik).

Pegawai Pertanian dari Jabatan Lanskap, Majidah Ali berkata, konsep akuaponik sebagai salah

satu cabang dari agrikultur yang menggabungkan penternakan ikan dan penanaman tanpa tanah (hidroponik).

"Melalui konsep akuaponik ini, air yang terhasil dari penternakan ikan menghasilkan baja semulajadi kepada tumbuhan tersebut. Tumbuhan juga akan membersihkan kualiti air ternakan ikan," katanya.

Projek dengan kos RM100,000 itu, turut membabitkan kajian mendalam bagi memastikan

kesempurnaannya.

"Sistem pengairan air hujan dan binaannya ini dikaji dengan teliti sebelum dibina. Kita tidak mahu laman ini berada pada tahap ini sahaja tanpa ada pelan penyenggaraan sistematik.

"Ada pekerja akan ditugaskan memantau dan membuang lalang yang tumbuh bagi memastikan lanskap di sini menjadi laman mentuai sayur menghidu sekali gus menjadi laman terapi untuk pekerja yang mencari ruang untuk bertenang," katanya.

Laman Hijau@3

- » Lokasi: Tingkat 3, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, Shah Alam Selangor.
- » Keluasan: 650 meter persegi.
- » Jenis tumbuhan:
- » Ada sayur-sayuran seperti bayam, sawi dan labu
- » Tumbuhan herba seperti kunyit, misai kucing dan cincau hitam.

12/4/2022

SINAR HARIAN

GETUSAN

17

Lebah serangga utama ekosistem



PERSPEKTIF

DR HALIZA ABDUL RAHMAN

Tanggal 20 Mei diperingati sebagai Hari Lebah Sedunia disebabkan kepentingannya. Lebah boleh didapati di setiap benua, iaitu di setiap habitat planet yang ada tumbuhan bertbunga kecuali di Antartika. Terdapat kira-kira lebih 16,000 spesies lebah dikenal pasti dalam tujuh keluarga biologi diiktiraf. Umumnya, lebah merupakan serangga yang ditakuti oleh kebanyakan orang kerana sengatannya yang sangat menyakitkan.

Apa kegunaan atau fungsi lebah bagi manusia? Selama berabad, lebah telah memberi manfaat bagi manusia, tumbuhan dan alam sekitar. Seperti serangga lain, fungsi utama atau perkhidmatan ekosistem yang disediakan oleh lebah adalah pendebungaan. Lebah sangat penting dalam ekosistem, kerana banyak spesies tanaman memerlukan serangga ini untuk membiak. Seperti

tumbuh-tumbuhan, manusia memerlukan lebah untuk melakukan pendebungaan dalam membantu pengeluaran makanan. Pendebungaan adalah proses pemindahan debunga dari anter ke stigma. Proses ini penting bagi memastikan kejayaan persenyawaan pokok dan seterusnya untuk kemandirian spesies tumbuhan.

Melalui proses ini dianggarkan 60 peratus buah-buahan dan sayur-sayuran yang ada sekarang dapat dihasilkan. Hakikatnya, sebanyak 50-90 peratus diet manusia berdasarkan tumbuhan, jika serangga seperti lebah tidak menjalankan fungsi pendebungaan ini dalam ekosistem, maka semua sayur-sayuran, buah-buahan termasuk beras dan roti tidak akan ada lagi dalam menu harian manusia. Oleh itu, jika kita kehilangan semua serangga termasuk lebah, semua manusia di planet bumi ini akan dilanda kebuluran, kerana 85 peratus daripada semua tumbuhan di bumi berkembang biak melalui proses pendebungaan, misalnya buah tomato dan epal. Kajian lepas juga membuktikan bahawa lebah dan kumbang merupakan agen pendebungaan utama bagi pokok halia.

Lebah juga adalah agen pendebungaan terbesar bagi kapas yang penting

dalam industri tekstil. Tanpa lebah, industri kapas yang bernilai 420 bilion akan merosot dan lenyap. Bijian minyak seperti kanola dan bunga matahari menghasilkan minyak sayuran yang hanya diperolehi melalui pendebungaan oleh lebah. Bijian minyak ini turut merupakan sumber protein utama kepada haiwan ternakan seperti lembu yang membantu ternakan ini membesar dengan baik dan sihat seterusnya membekalkan daging yang banyak kepada manusia. Justeru, pemahaman tentang kepentingan serangga sebagai agen pendebungaan membuktikan lebah antara barisan hadapan agen pendebungaan.

Madu kelulut yang dihasilkan oleh lebah merupakan satu produk tempatan popular yang dapat menjanakan pendapatan lumayan pada masa kini. Penghasilan madu lebah turut menjadi sumber makanan dan produk lain seperti lilin dan ubat gigi propolis. Impak daripada permintaan yang tinggi di pasaran tempatan, ia juga dieksport ke pasaran antarabangsa dan secara tidak langsung ia menyuntik kesan positif terhadap ekonomi negara selaras dengan hasil penjualan produk tersebut.

Hakikatnya, lebah mempunyai peranan unik dalam ekosistem iaitu dalam

bio-kepelbagaian dan keseimbangan alam sekitar. Jika kita membunuh serangga ini sewenang-wenangnya, ekosistem kita akan menjadi tidak seimbang dan akhirnya menjejaskan kemandirian haiwan dan tumbuh-tumbuhan lain. Justeru, ramai saintis menggelar lebah sebagai spesies paling berharga di dunia, mengatasi plankton, kulat dan kelawar.

Malangnya sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pakar semakin bimbang masalah yang menimpa populasi serangga seperti lebah disebabkan oleh tekanan kegiatan manusia. Tanpa disedari, kita mungkin menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada kepupusan lebah yang memberikan banyak kepentingan kepada kita. Ini termasuk kegiatan perindustrian, pertanian dan penggunaan racun perosak yang melampau, pencemaran dan perubahan iklim. Maka, kita seharusnya berusaha untuk memperbaiki bagaimana berinteraksi dengan alam, bagi memastikan kita tidak merosakkannya secara berlebihan.

**Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan Institut Pengajian Sains Sosial (IPSSAS) Universiti Putra Malaysia*



GALAKKAN petani-petani yang berjaya termasuk generasi muda menanam jagung.

Kita banyak sangat makan ayam

SAUDARA PENGARANG.

DAGING ayam adalah sumber protein haiwan yang penting dan popular dalam kalangan penduduk berbilang etnik di negara ini. Malaysia merupakan antara negara pengguna daging ayam tertinggi di dunia dengan penggunaan per kapita tahunan 46.8 kilogram (kg.) dan dijangka mencapai 50 kg. menjelang 2025.

Ini menunjukkan penggunaan daging ayam per kapita tahunan Malaysia adalah yang ketiga tertinggi di dunia dan yang pertama di Asia. Oleh itu, tidak hairanlah tahap sara diri bagi daging ayam yang mencukupi merupakan antara agenda penting dalam Dasar Agro Makanan Negara 1.0 dan 2.0.

Pertambahan penduduk menyebabkan peningkatan permintaan terhadap daging ayam kerana ia merupakan salah satu sumber protein termurah untuk semua peringkat pendapatan terutama bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).

Namun, harga ayam yang murah hanyalah tinggal kenangan kerana harga ayam memperlihatkan trend peningkatan berterusan bermula dari Mac sehingga September 2021. Harga runcit ayam proses standard telah pun melepasi paras RM9 sekg. apabila mencecah RM10 pada awal September 2021.

Keprihatinan kerajaan menyebabkan harga ayam diturunkan dan kini harga runcit maksimum ayam standard adalah RM8.90 sekg di mana harga runcit baharu ini disubsidi oleh kerajaan sehinggalah kos pengeluaran menjadi lebih stabil.

Mengapakah kos pengeluaran ayam meningkat? Lebih 65 peratus daripada kos pengeluaran ayam melibatkan kos makanan ayam. Hampir empat juta tan jagung serta soya yang digunakan sebagai makanan ayam diimport setiap tahun oleh Malaysia. Kedua-dua sumber protein ini diimport terutama dari Brazil dan Argentina.

Bagaimanapun, penuaian komoditi jagung serta soya di kedua-dua negara ini menunjukkan penurunan disebabkan oleh kemarau berterusan sehingga menyebabkan

harga meningkat.

Menurut Gabungan Persatuan Peladang Ternakan Malaysia (FLFAM), jagung dan soya yang digunakan sebagai makanan ayam meningkat sekurang-kurangnya 40 peratus dalam tempoh setahun lalu.

Harga minyak kelapa sawit yang ditambah kepada makanan ternakan juga meningkat sebanyak 43.3 peratus daripada RM3,000 kepada RM4,300 setiap tan dalam tempoh sama.

Selain kos makanan ayam, industri ini turut berhadapan dengan peningkatan kos buruh. Memang tidak dapat dinafikan bahawa industri ayam adalah berintensifkan buruh. Kos operasi ladang ayam telah meningkat semasa pandemik Covid-19. Pekerja ladang perlu hadir secara fizikal dan pandemik telah menjejaskan kehadiran mereka ke ladang.

Adalah tidak mampan bagi Malaysia untuk terus bergantung kepada bahan mentah yang diimport bagi menghasilkan makanan ayam. Beberapa perancangan jangka pertengahan serta panjang perlu dilaksanakan bagi menstabilkan harga ayam.

Pertamanya, Malaysia perlu mencari sumber alternatif bahan mentah tempatan bagi memastikan kos makanan ayam berpatutan. Langkah ini boleh dilaksanakan dengan menggalakkan petani-petani yang berjaya termasuk generasi muda menanam jagung.

Kedua, digunakan mesin dan peralatan lain dalam sektor penanaman jagung bermula dari awal penanaman hingga ke penuaian. Malahan mesin dan peralatan juga diperlukan selepas proses penuaian untuk mengelakkan pembaziran.

Ketiga, gunakan sisa pertanian termasuk daripada kelapa sawit serta sisa dari dapur sebagai bahan mentah dalam makanan ayam. Sisa terbabit kini tidak diurus dengan berkesan sekali-gala menyebabkan kemudaratan alam sekitar dan menjejaskan kesihatan serta kesejahteraan rakyat.

PROFESOR MADYA DR. SHRI DEWI APPLANAIDU
Universiti Utara Malaysia (UUM)